

Bab 6. Cabaran selepas Pembentukan Malaysia

Bahagian A [Soalan Objektif]

1. Apakah cabaran dalaman negara selepas pembentukan Malaysia?
 - A. Kepelbagaian adat resam
 - B. Pembangunan luar bandar terhad
 - C. Ketidakseimbangan pembangunan
 - D. Pertumbuhan parti politik
2. Apakah cabaran kerajaan untuk memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan Sarawak dan Sabah?
 - A. Ancaman haiwan liar
 - B. Teknologi yang rendah
 - C. Saiz negeri yang besar
 - D. Terdapat banyak sungai

3. Apakah tuntutan Lee Kuan Yew dalam kempen berikut?

Malaysian Malaysia

- A. Pembatalan institusi beraja
- B. Pengenalan sistem republik
- C. Persamaan hak antara kaum
- D. Perubahan bentuk pentadbiran

Tahun	Peristiwa
5 Ogos 1952	Serangan komunis terhadap orang awam

4. Jadual berikut menunjukkan serangan terawal komunis di Sarawak. Apakah lokasi serangan tersebut?
 - A. Bukit Lambir, Miri
 - B. Sambas, Santubong
 - C. Batu Kitang, Kuching
 - D. Bawang Assan, Kuching

5. Apakah faktor ekonomi sebagai pemisahan Singapura daripada Malaysia

- I. Penambahan kadar cukai
 - II. Pembinaan pelabuhan bebas
 - III. Pembukaan pasaran bersama
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

6. Apakah persamaan antara kedua-dua kaedah berikut

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Operasi Hammer • Rancangan Briggs |
|--|

- A. Mengadakan lawatan
- B. Memenangi hati rakyat
- C. Memberi pengampunan
- D. Menyerang secara gerila

7. Rancangan Malaysia Pertama diperkenalkan

untuk menangani isu pembangunan ekonomi negara.

Apakah isu tersebut?

- A. Serangan wabak penyakit
- B. Kadar kemiskinan bertambah
- C. Kekurangan kemudahan asas
- D. Pendapatan penduduk rendah

8. Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu kebergantungan pada eksport getah dan biji timah bagi membangunkan ekonomi negara?

- I. Mencari pasaran baharu
 - II. Memajukan industri pemprosesan
 - III. Menyediakan teknologi moden kepada petani
 - IV. Menyediakan bantuan kewangan kepada pengusaha
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

9. Apakah faktor utama tercetusnya rusuhan kaum pada 13 Mei 1969?

- A. Provokasi daripada British
- B. Propaganda tentera Jepun
- C. Pilihan Raya Umum Ketiga
- D. Kemelesetan ekonomi dunia



10. Mangsa rusuhan kaum telah dipindahkan ke pusat perlindungan.
Apakah pusat tersebut?
- A. Masjid Negara
 - B. Stadium Merdeka
 - C. Dataran Merdeka
 - D. Bangunan Sultan Abdul Samad

